A

Rasahiman bin Rasul lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–158 TAHUN 2006
HASAN LAH, AHMAD MAAROP DAN SULAIMAN DAUD HHMR
28 OKTOBER 2010

C

Prosedur Jenayah — Pertuduhan — Pembacaan pertuduhan kepada tertuduh — Sama ada pertuduhan telah dibaca dan diterangkan kepada tertuduh pada permulaan perbicaraan — Sama ada pertuduhan perlu dibaca dan diterangkan pada tarikh-tarikh perbicaraan selanjutnya — Kanun Prosedur Jenayah s 178(1)

D

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — s 39B(1)(a) — Pengedaran kanabis seberat 956.28g — Sama ada elemen milikan, kawalan dan pengetahuan dibuktikan — Sama ada kelakuan perayu yang kelihatan takut dan terkejut serta meminta tolong mewujudkan inferens mengenai elemen pengetahuan — Sama ada anggapan di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai — Sama kes pendakwaan dibuktikan

E

F

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — s 39B(1)(a) — Pengedaran kanabis seberat 956.28g — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada terdapat kegagalan membacakan pertuduhan terhadap perayu pada permulaan perbicaraan — Sama ada hakim perbicaraan gagal menimbangkan bahagian pembebasan kenyataan beramaran perayu — Sama ada kenyataan beramaran perayu diberi secara sukarela — Sama ada berlaku kelewatan dalam penyelesaian perbicaraan kes dan pembekalan alasan penghakiman — Sama ada kelewatan memprejudiskan pembelaan tertuduh — Sama ada rayuan patut ditolak

G

H

Pada 16 Jun 2003, Penolong Penguasa Polis Md Suhud ('SP4') telah menerima maklumat mengenai pengedaran dadah jenis ganja oleh seorang lelaki Melayu. SP4 bersama-sama anggota pasukannya telah mengadakan serang hendap di hadapan sebuah restoran. Perayu yang menaiki motosikal telah memasuki kawasan serang hendap dan berhenti di tepi restoran itu. SP5 dan anggota kumpulannya telah bergerak ke arah lelaki itu dengan van yang mereka naiki dan berhenti di tepi motosikal perayu. SP5 telah turun dan memperkenalkan dirinya 'polis' dan terus menahan lelaki tersebut. Semasa ditahan perayu kelihatan takut dan terkejut, dan telah meminta tolong kepada SP5. Sebuah beg kain berwarna hitam didapati di dalam raga motosikal tersebut telah dirampas dan didapati mengandungi dua ketulan mampat kanabis dengan jumlah berat bersih 956.28g. Pada 18 Jun 2003, Inspektor Rujiman ('SP7') telah merekodkan pernyataan beramaran perayu. Berikutan bantahan pihak

I

pembelaan terhadap pengemukaan pernyataan itu, suatu bicara dalam bicara telah diadakan bagi menentukan kebolehterimaannya. Di akhir prosiding itu, hakim perbicaraan telah menerima pernyataan itu sebagai keterangan (eksh P28). Perayu telah dituduh mengedar dadah di bawah s 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Perayu, dalam pembelaannya, telah menafikan ada membawa atau melihat beg kain tersebut dalam raga motosikal yang ditunggangnya. Menurutnya, dia bekerja sebagai mekanik di sebuah bengkel dan pada hari itu, tuan punya bengkel telah menyuruhnya pergi menghantar satu 'crankcase' enjin untuk dibaiki dan membeli beberapa alat ganti. Menurut perayu, dia telah meletakkan alat ganti dan 'crankcase' enjin dalam raga motosikal tersebut. Perayu telah disabitkan dan dijatuhi hukuman mati, dan telah merayu terhadap keputusan tersebut. Peguam perayu telah membangkitkan tiga alasan rayuan seperti berikut, iaitu: (i) kegagalan membacakan pertuduhan terhadap perayu pada permulaan perbicaraan; (ii) kegagalan hakim bicara menimbangkan bahagian pembebasan kenyataan beramaran perayu; dan (iii) telah berlaku kelewatan dalam penyelesaian perbicaraan kes dan pembekalan alasan penghakiman.

Diputuskan, menolak rayuan perayu:

(1) Hakim bicara telah mematuhi peruntukan s 178(1) Kanun Prosedur Jenayah yang menghendaki pertuduhan dibacakan dan diterangkan kepada tertuduh pada permulaan perbicaraan. Tiada keperluan untuk membacakan dan menerangkan pertuduhan yang sama pada tarikh-tarikh perbicaraan yang selanjutnya (lihat perenggan 15).

(2) Kelewatan dalam penyelesaian sesuatu kes atau membekalkan alasan penghakiman semata-mata tidak boleh dijadikan asas bagi mentaksahkan sesuatu prosiding atau membatalkan sesuatu sabitan. Bagi mewajarkan pembatalan sesuatu prosiding atau pengetepian sesuatu penghakiman atas mana-mana alasan ini, hendaklah ditunjukkan bahawa kelewatan itu adalah suatu kelewatan melampau, dan perayu telah terjejas atau terprejudis akibat kelewatan tersebut. Tempoh satu tahun dua bulan yang diambil untuk menyelesaikan pendengaran kes ini bukan kelewatan melampau selepas menimbangkan suatu prosiding bicara dalam bicara turut diadakan. Jika pun berlaku kelewatan, pihak pembelaan telah gagal menunjukkan bagaimana ia memprejudiskan pembelaannya. Hakim perbicaraan hanya mengambil masa tujuh minggu untuk menyediakan alasan penghakimannya dari tarikh keputusan disampaikan (lihat perenggan 18–19).

(3) Amaran dalam proviso (b) kepada s 37A(1) ADB telah diberikan sebelum pernyataan perayu dirakamkan. Dakwaan perayu bahawa dia telah dipukul dan didorong oleh anggota serbuan untuk memberikan pernyataan telah ditolak. Maka, hakim bicara telah membuat penilaian

yang betul mengenai isu kesukarelaan berdasarkan keterangan yang ada di hadapan mahkamah (lihat perenggan 20).

(4) Tiada apa-apa dalam kandungan pernyataan beramaran P28 yang menunjukkan, atau menimbulkan inferens, bahawa perayu membeli dadah tersebut untuk kegunaannya sendiri. Selanjutnya, isu yang dibangkitkan itu juga tidak konsisten dengan keterangan bersumpah perayu di mahkamah. Maka, kegagalan hakim bicara menimbangkan bahagian pernyataan beramaran yang dimaksudkan itu tidak sedikitpun mencacatkan penilaian hakim bicara terhadap pembelaan perayu (lihat perenggan 23–24).

(5) Keterangan saksi-saksi pendakwaan jelas menimbulkan inferens bahawa perayu mempunyai milikan sebenar ke atas dadah tersebut. Perayu mempunyai kawalan atau jagaan fizikal ke atas beg kain dan dadah yang terkandung di dalamnya. Pengetahuan perayu tentang dadah dalam beg kain itu dapat dibuktikan secara terus melalui keterangan saksi-saksi pendakwaan (lihat perenggan 30–31).

(6) Kelakuan perayu yang kelihatan takut dan terkejut serta meminta tolong kepada SP5 semasa dia menghampiri perayu dan memperkenalkan dirinya mempunyai hubungan terus dengan fakta berkaitan kerana dadah yang dipersoalkan dijumpai dalam raga motosikalnya, dan oleh itu dia mestilah menjelaskan kelakuannya itu. Namun, perayu telah gagal memberikan apa-apa penjelasan yang boleh diterima tentang kelakuan atau reaksinya itu. Justeru, suatu inferens boleh dibuat bahawa perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang berada dalam beg kain tersebut (lihat perenggan 33).

(7) Setelah mendapati perayu mempunyai 'mens rea possession' ke atas dadah yang dijumpai dalam raga motosikalnya dan dadah tersebut melebihi 200g, maka anggapan di bawah s 37(da) ADB berbangkit. Dengan yang demikian beban terletak pada perayu untuk mematahkan anggapan itu berdasarkan imbangan kebarangkalian. Perayu telah gagal mematahkan anggapan sedemikian (lihat perenggan 34).

[English summary

On 16 June 2003, Assistant Superintendant of Police Md Suhud ('SP4') received information on drug trafficking of the heroin type by a Malay male. SP4 together with his team members laid an ambush in front of a restaurant. The appellant who was on motorcycle entered the ambush area and stopped at the side of the restaurant. SP5 and his team members moved towards the man with the van they were in and stopped by the appellant's motorcycle. SP5 got down and introduced himself as 'polis' and proceeded to arrest the man. When he was arrested the appellant looked frightened and shocked, and asked for SP5's help. A black cloth bag was found in the basket of the motorcycle and was seized and was found to contain two compressed slabs of cannabis with nett

weight of 956.28g. On 18 June 2003, Inspector Rujiman ('SP7') recorded the appellant's cautioned statement. Following an objection by the defence against the production of the statement, a trial within a trial was conducted to determine its admissibility. At the end of the proceedings, the trial judge had admitted the statement as evidence ('exh P28'). The appellant had been charged for trafficking drugs under s 39B(1) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). The appellant, in his defence, denied bringing or seeing the cloth bag in the basket of the motorcycle that he rode. According to him, he worked as a mechanic in a workshop and on that day, the owner of the workshop told him to deliver a crankcase engine for repair and buy a few spare parts. According to the appellant, he had placed the spare parts and the crankcase engine in the basket of the motorcycle. The appellant was convicted and sentenced to death, and had appealed against the decision. The appellant's counsel raised three grounds of appeal as follows, ie: (i) the failure of reading the charge to the appellant during the commencement of the trial; (ii) the failure of the trial judge to consider the part of release of the appellant's cautioned statement; and (iii) there was delay in disposal of the trial of the case and supply of the grounds of judgment.

Held, dismissing the appellant's appeal and affirming the conviction and sentence:

(1) The trial judge had complied with the provisions of s 178 of the Criminal Procedure Code which required the charge to be read and explained to the accused at the commencement of the trial. There was no requirement to read and explain the same charge on other dates of further trial (see para 15).

(2) The mere delay in disposing a case or supplying the grounds of judgment could not be the basis to nullify proceedings or cancel a conviction. In order to warrant a cancellation of proceedings or setting aside of a judgment on any of this grounds, it had to be shown that the appellant had been affected or prejucided by the delay. The duration of a year and two months taken to dispose the hearing of this case was not inordinate upon considering that a trial within a trial was also conducted. Even if there was delay, the defence had failed to show how it had prejudiced its defence. The trial judge had taken the time of seven weeks to prepare the grounds of judgments from the date the decision was delivered (see paras 18–19).

(3) The warning in proviso (b) to s 37A of the DDA had been administered before the appellant's statement was recorded. The appelllant's allegation that he had been beaten and induced by the ambush party to give the statement was dismissed. Thus, the trial judge had made the right assessment as to the issue of voluntariness based on the evidence before the court (see para 20).

(4) There was nothing in the content of the cautioned statement P28 to show, or to raise the inference, that the appellant purchased the drugs for his own use. Further, the issue that he raised was also inconsistent with the appellant's evidence on oath in court. Therefore, the failure of the trial judge to consider the part of the alleged cautioned statement did not damage the evaluation of the trial judge against the appellant's defence (see paras 23–24).

(5) The testimony of the prosecution's witnesses clearly raised the inference tthat the appellant had the actual possession of the drugs. The appellant had the control or physical custody of the cloth bag and the drugs contained therein. The appellant's knowledge of the drug in the cloth bag could be directly proved by the testimony of the prosecution witnesses (see paras 30–31).

(6) The appellant's demeanour who was seem to be frightened as well as asking for SP5's help when he approached the appellant and introduced himself had direct relation to the facts relating ot the drugs in question found in the motorcycle basket, and therefore he must explain the conduct. However, he appellant had failed to give any explanation that is admissible as to his demeanour or the reaction. Hence, an inference could be drawn that the appellant had the knowledge as to the drugs contained in the cloth bag (see para 33).

(7) Upon finding that the appellant had mens rea possession of the drugs found in the motorcycle basket dan the drugs were more than 200g, then the presumption under s 37(da) of the DDA arose. In the circumstances the burden was on the appellant to rebut the presumption on a balance of probabilities. The appellant had failed to rebut such presumption (see para 34).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pertuduhan secara am, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 1035-1492.

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 185-186.

Kes-kes yang dirujuk

Amathevelli a/p Ramasamy v PP [2009] 2 MLJ 367, MP (dirujuk)

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Cohen Lorraine Philis & Anor v PP and another appeal [1989] 3 MLJ 289, MA (dibeza)

Mohd Zaiham bin Mislan v PP [2010] 2 MLJ 707; [2010] 1 CLJ 74, MR (dirujuk)

Ng Chai Kem lwn PP [1994] 2 MLJ 210, MA (dibeza)

Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)

PP v Adetunji Adeleye Sule [1993] 2 MLJ 70, MA (dirujuk)
PP v Chan Kim Choi [1989] 1 MLJ 404, MT (dirujuk)
Tan Hun Wah v PP and another appeal [1994] 1 MLJ 382, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(da), 37A(1), proviso (b)
Kanun Keseksaan s 300
Kanun Prosedur Jenayah s 178(1)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–64 Tahun 2004 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam).

Yacob bin Karim (Saladin Mohd Yasin bersamanya) (Saladin & Associates) bagi pihak perayu.
Shoba Venu Gopal (Timbalan Pendakwaraya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Sulaiman Daud HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Perayu, Rasahiman bin Rasul, telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi atas pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 16 Jun 2003 jam lebih kurang 6 petang, di Jalan 3, Taman Kandan, Puchong, Petaling Jaya, di dalam daerah Petaling dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah memperedar dadah berbahaya iaitu seberat 1039.0g Cannabis dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 39B(1) ADB 952 dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] Perayu telah disabitkan dan dijatuhi hukuman mati, dan telah merayu terhadap keputusan tersebut. Di akhir pendengaran, kami telah mencapai keputusan sebulat suara menolak rayuan itu. Kini disampaikan alasan keputusan kami.

KES PENDAKWAAN

[3] Keterangan yang dikemukakan melalui saksi-saksi pendakwaan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

[4] Pada 16 Jun 2003, Pen Penguasa Polis Md Suhud bin Kasan ('SP4') telah menerima maklumat mengenai pengedaran dadah jenis ganja oleh seorang lelaki Melayu yang menaiki motosikal di Taman Kandan, Puchong. Pada jam lebih kurang 5 petang, dia bersama-sama anggota pasukannya telah berlepas dalam tiga kumpulan ke kawasan yang dimaksudkan untuk mengadakan serang hendap. Setelah sampai, mereka telah berpecah dalam tiga kumpulan dan mengambil tempat masing-masing di tepi sebatang jalan berhadapan

dengan sebuah restoran Cina. Kira-kira sejam kemudian pada lebih kurang pukul 6 petang, seorang lelaki Melayu bermotosikal kelihatan memasuki kawasan serang hendap dan berhenti di tepi restoran itu. SP5 dan anggota kumpulannya telah bergerak ke arah lelaki itu dengan van yang mereka naiki dan berhenti di tepi motosikal lelaki itu. SP5 telah turun dan memperkenalkan dirinya 'polis' dan terus menahan lelaki tersebut. Semasa ditahan lelaki itu kelihatan takut dan terkejut, dan telah meminta tolong kepada SP5. Lelaki itu adalah perayu.

[5] SP5 turut melihat sebuah beg kain berwarna hitam ('beg kain') di dalam raga motosikal tersebut. Dia telah merampas beg kain itu dan menyerahkannya kepada SP4 yang sampai ke tempat itu selang beberapa minit kemudian. Setelah dibuka, beg kain itu didapati mengandungi dua ketulan mampat. Ketulan pertama dibalut dengan akhbar yang di dalamnya terdapat satu bungkusan plastik lutsinar yang mempunyai bungkusan aluminium mengandungi mampatan tumbuhan kering. Ketulan kedua, yang lebih kecil, juga terdiri dari mampatan tumbuhan kering dibungkus dengan aluminium. Ahli kimia ('SP3') yang menjalankan analisis ke atas kedua-dua mampatan tumbuhan kering tersebut telah mengesahkan bahawa bahan tersebut adalah kanabis dengan jumlah berat bersih 956.28g.

[6] Pada 18 Jun 2003, Inspektor Rujiman ('SP7') telah merekodkan pernyataan beramaran perayu. Berikutan bantahan pihak pembelaan terhadap pengemukaan pernyataan itu, suatu bicara dalam bicara telah diadakan bagi menentukan kebolehterimaannya. Di akhir prosiding itu, hakim perbicaraan telah menerima pernyataan itu sebagai keterangan (eksh P28). Kami akan berbalik kepada pernyataan ini kemudian.

PEMBELAAN PERAYU

[7] Perayu, dalam pembelaannya, telah menafikan ada membawa atau melihat beg kain tersebut dalam raga motosikal yang ditunggangnya. Keterangannya adalah seperti berikut. Dia bekerja sebagai mekanik di sebuah bengkel di Keramat. Pada hari tangkapan itu tuan punya bengkel telah menyuruhnya pergi ke Klang Lama untuk membeli alat ganti motor di Kompleks OUG. Dia juga telah disuruh menghantar satu 'crankcase' enjin untuk dibaiki di Puchong. Dia berlepas dengan sebuah motosikal pada kira-kira pukul 12 tengah hari. Semasa berlepas dia telah meletakkan 'crankcase' enjin yang hendak dibaiki itu dalam bakul motosikal itu. Ia dibalut dengan kertas surat khabar.

[8] Setelah membeli alat-alat ganti di Klang Lama (yang terdiri daripada gasket, tiub motor dan *oil seal*), dia telah memasukkan alat-alat itu bersekali dengan beg plastiknya di atas 'crankcase' enjin dalam raga motosikal tersebut.

Dari Klang Lama dia telah menghantar 'crankcase' enjin itu ke sebuah kedai di Puchong untuk dibaiki. Setelah selesai, dia telah bertolak balik ke Keramat mengikut Lebuhraya Kesas.

[9] Dalam perjalanan balik dia telah singgah di sebuah restoran Cina di tepi jalan untuk membeli rokok dan minuman sebelum berpatah balik ke motosikalnya. Setelah dia menghampiri motosikalnya, datang sebuah van yang terus berhenti berdekatan dengannya. Dua ke tiga orang lelaki berpakaian biasa telah keluar daripada van dan menyerbu ke arahnya yang menyebabkan dia terperanjat dan berlaku pergelutan di antara mereka. Dia kemudiannya telah digari dan dibawa ke motosikal yang dinaikinya. Salah seorang anggota polis tersebut telah membawa keluar sebuah beg berwarna hitam dari bawah 'crankcase' enjin yang terletak dalam raga motosikal itu.

KEPUTUSAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI

[10] Hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa pihak pendakwa, pada penutup kesnya, telah berjaya membuktikan secara prima facie bahawa tertuduh mempunyai pemilikan sebenar dadah yang dipersoalkan. Dalam memutuskan sedemikian, beliau telah mendapati bahawa perayu mempunyai kawalan atau jagaan fizikal terhadap dadah tersebut setelah menerima keterangan bahawa perayu menunggang motosikal yang terlibat berseorangan dan beg kain yang mengandungi dadah tersebut dijumpai dalam raga motosikal itu. Berkenaan dengan elemen pengetahuan, hakim perbicaraan telah bergantung kepada pernyataan beramaran perayu yang mengaku telah membeli ganja itu daripada seorang bernama Jamal. Di akhir kes pembelaan, hakim perbicaraan telah memutuskan perayu gagal mematahkan anggapan pengedaran di bawah perenggan 37(da) ADB setelah mendapati 'cerita tertuduh bahawa dia telah ditangkap sebaik sahaja keluar dari restoran yang disinggahinya dalam perjalanan selepas membeli alat ganti dan membaiki 'crankcase' enjin itu tidak berbarangkali'.

[11] Dalam rayuan ini, peguam terpelajar perayu telah membangkitkan tiga alasan rayuan seperti berikut, iaitu:

(a) Kegagalan membacakan pertuduhan terhadap perayu pada permulaan perbicaraan.

(b) Kegagalan hakim perbicaraan menimbangkan bahagian pembebasan kenyataan beramaran perayu (*the exculpatory part of the cautioned statement*).

(c) Telah berlaku kelewatan dalam penyelesaian perbicaraan kes dan pembekalan alasan penghakiman.

[12] Kami akan mulakan dengan isu pertama dan diikuti dengan isu ketiga yang kami dapati hanya menyentuh tentang hal-hal yang berkaitan dengan prosedur dan perjalanan prosiding.

SAMA ADA BERLAKU KEGAGALAN MEMBACAKAN PERTUDUHAN

[13] Peguam terpelajar perayu menegaskan apabila perayu dihadapkan ke mahkamah untuk dibicarakan pada 25 Julai 2005, pertuduhan tidak pernah dibacakan dan dijelaskan kepadanya, dan perayu juga tidak pernah ditanya sama ada hendak mengaku salah atau memohon untuk dibicarakan sebagaimana dikehendaki di bawah s 178(1) Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ'). Menurut beliau kegagalan berbuat demikian adalah suatu luar aturan yang tidak boleh dipulihkan dan memudaratkan kes perayu.

[14] Kami mendapati isu yang dibangkitkan ini ternyata tidak berlandaskan kepada fakta sebenar sebagaimana yang jelas tercatat dalam nota prosiding kes ini. Berdasarkan kepada 'nota keterangan' yang dibekalkan kepada mahkamah ini, kami mendapati tarikh permulaan perbicaraan kes adalah pada 2 November 2004 dan bukannya 25 Julai 2005. Nota keterangan pada 2 November 2004 tersebut, setakat yang relevan, berbunyi seperti berikut:

> TPR: Tuan Saiful Edris B Zainuddun OKT hadir
>
> TPR mengemukakan izin dan rekuisisi dan pertuduhan. Pohon baca pertuduhan.
>
> Pertuduhan dibaca dan diterangkan kepada OKT.
>
> OKT faham pertuduhan. OKT tidak mengaku kesalahan dan minta dibicarakan.

[15] Oleh itu, adalah jelas daripada ekstrak nota keterangan tersebut di atas bahawa hakim perbicaraan telah mematuhi peruntukan s 178(1) KPJ yang menghendaki pertuduhan dibacakan dan diterangkan kepada tertuduh pada permulaan perbicaraan. Tiada keperluan untuk membacakan dan menerangkan pertuduhan yang sama pada tarikh-tarikh perbicaraan yang selanjutnya.

SAMA ADA BERLAKU KELEWATAN

[16] Peguam terpelajar perayu telah menarik perhatian mahkamah bahawa hakim perbicaraan telah mengambil masa lebih kurang satu tahun dua bulan untuk menyelesaikan pendengaran kes ini, dan seterusnya telah berlaku kelewatan selama tiga bulan lagi dalam penyediaan alasan penghakiman. Beliau menghujahkan kelewatan ini bukan sahaja suatu penyalahan proses tetapi juga telah menyebabkan kemudaratan dan ketidakadilan kepada kes perayu kerana, menurutnya, kelewatan itu telah mengaburi ingatan hakim

perbicaraan hingga gagal menimbangkan dan menilai kandungan pernyataan beramaran perayu yang memihak kepadanya.

[17] Adalah tidak dipertikaikan bahawa perjalanan perbicaraan dari tarikh pemeriksaan saksi pendakwaan yang pertama (pada 25 Julai 2005) hingga ke tarikh pemeriksaan saksi tunggal pembelaan (pada 15 September 2006) telah memakan masa lebih kurang satu tahun dua bulan. Penghujahan pihak-pihak telah didengar dua minggu kemudian (pada 29 September 2006) dan keputusan di akhir perbicaraan telah diberikan kira-kira empat minggu selepas itu (pada 31 Oktober 2006). Alasan penghakiman telah disediakan kira-kira tujuh minggu kemudian.

[18] Keputusan-keputusan kehakiman jelas menunjukkan bahawa kelewatan dalam penyelesaian sesuatu kes atau membekalkan alasan penghakiman semata-mata tidak boleh dijadikan asas bagi mentaksahkan sesuatu prosiding atau membatalkan sesuatu sabitan. Bagi mewajarkan pembatalan sesuatu prosiding atau pengetepian sesuatu penghakiman atas mana-mana alasan ini, hendaklah ditunjukkan bahawa kelewatan itu adalah suatu kelewatan melampau, dan perayu telah terjejas atau terprejudis akibat kelewatan tersebut. Prejudis kepada perayu boleh ditunjukkan dalam beberapa bentuk seperti terdapatnya kemungkinan peninggalan di pihak hakim perbicaraan untuk bertindak terhadap fakta yang memihak kepadanya, atau jika dapat ditunjukkan bahawa kelewatan itu telah mengaburi ingatan hakim perbicaraan mengenai sesuatu fakta yang menyokong pembelaan tertuduh (lihat *Tan Hun Wah v Public Prosecutor and another appeal* [1994] 1 MLJ 382, *Amathevelli a/p Ramasamy v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 367).

[19] Dalam rayuan sekarang ini, pada pendapat kami tempoh satu tahun dua bulan yang diambil untuk menyelesaikan pendengaran kes ini bukanlah suatu kelewatan melampau selepas menimbangkan suatu prosiding bicara dalam bicara turut diadakan. Jika pun berlaku kelewatan sedemikian, kami mendapati pihak pembelaan telah gagal sama sekali untuk menunjukkan bagaimana ia telah memprejudiskan pembelaannya. Begitu juga, pada pendapat kami, dakwaan berlakunya kelewatan dalam penyediaan alasan penghakiman hingga telah mengaburi ingatan hakim perbicaraan tentang fakta yang memihak kepada perayu dalam pernyataan beramarannya juga tidak berasas. Perlu ditegaskan semula hakim perbicaraan hanya mengambil masa tujuh minggu untuk menyediakan alasan penghakimannya dari tarikh keputusan disampaikan. Kami akan membincangkan isu yang dibangkitkan mengenai percakapan beramaran perayu dalam alasan rayuan yang berikutan ini.

KESAN PERNYATAAN BERAMARAN PERAYU

[20] Hakim perbicaraan telah menerima masuk sebagai keterangan

percakapan beramaran perayu berikutan suatu bicara dalam bicara yang telah diadakan bagi maksud itu. Beliau berpuas hati bahawa tiada keraguan munasabah bahawa pernyataan itu telah diberikan hasil dorongan, ugutan atau janji atas alasan-alasan yang diberikannya. Pertamanya, hakim perbicaraan berpuas hati bahawa amaran yang disebut dalam proviso (b) kepada sub-s 37A(1) ADB telah diberikan sebelum pernyataan perayu dirakamkan. Kedua, beliau telah menolak dakwaan perayu bahawa dia telah dipukul dan didorong oleh anggota serbuan SBDB2, SBDB3 dan SBDB4 untuk memberikan pernyataan. Beliau telah menerima keterangan ketiga-tiga anggota serbuan itu bahawa mereka tidak lagi terlibat dengan perayu setelah perayu diserahkan kepada pegawai penyiasat ('SP9') di IPD Petaling Jaya pada malam tangkapan 16 Jun 2003 sebelum perayu di bawa ke Balai Polis Puchong pada malam yang sama. Percakapan beramaran itu hanya dirakamkan oleh SP7 di Balai Polis Puchong dua hari kemudian pada 18 Jun 2003. Hakim perbicaraan turut menerima keterangan SBDB5 yang telah menafikan mengugut atau memukul perayu setelah mendapati dia hanya berada dengan perayu dalam masa yang singkat pada hari tangkapan dan hari pernyataan itu dirakamkan. Kami berpuas hati bahawa hakim perbicaraan telah membuat penilaian yang betul mengenai isu kesukarelaan berdasarkan keterangan yang ada di hadapan mahkamah.

[21] Bagaimanapun, pihak pembelaan tidak meneruskan dengan isu kesukarelaan ini di hadapan kami sebagaimana yang telah dibangkitkan di hadapan hakim perbicaraan. Malahan penghujahan peguam terpelajar perayu tertumpu kepada kandungan pernyataan itu sendiri yang dikatakannya adalah bersifat pembebasan (*exculpatory in nature*), dan dengan yang demikian telah mematahkan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) ADB. Teks penuh bahagian percakapan beramaran yang dimaksudkan itu berbunyi seperti berikut:

S. Adakah kamu beli ganja itu daripada JAMAL?

J. Saya beli ganja itu daripada JAMAL dengan harga RM 1400. Saya beli pada 6 Jun 2003 jam lebih kurang 4.30 petang di Chow Kit Wisma Safuan dekat stesen minyak SHELL.

S. Pernahkah kamu beli ganja daripada JAMAL sebelum kali terakhir kamu ditangkap?

J. Ya, sebanyak tiga (3) kali.

S. Kenapa kamu membeli ganja itu?

J. Pasal busines saya teruk.

S. Adakah kamu menghisap ganja?

J. Ada. Saya hisap sudah lebih sepuluh tahun.

[22] Peguam terpelajar itu menegaskan bahawa pernyataan tersebut di atas dengan jelas menunjukkan perayu telah membeli dadah yang dipersoalkan itu untuk kegunaan sendiri, dan dengan yang demikian telah mematahkan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) ADB. Sehubungan dengan itu beliau menghujahkan hakim perbicaraan telah tersilap di sisi undang-undang apabila gagal menimbangkan pernyataan pembebasan (*exculpatory statement*) perayu tersebut.

[23] Soalnya sama ada pernyataan perayu tersebut di atas merupakan suatu pernyataan pembebasan yang boleh diterima sebagai keterangan yang mencukupi bagi mematahkan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) ADB. Kami telah mengamati keseluruhan pernyataan beramaran P28, khususnya petikan di atas, tetapi mendapati tiada apa-apa dalam kandungannya yang menunjukkan, atau menimbulkan inferens, bahawa perayu membeli dadah tersebut untuk kegunaannya sendiri. Jika diperhatikan, dalam menjawab soalan-soalan yang diajukan kepadanya, perayu sekadar menyatakan dia membeli dadah tersebut daripada Jamal, dan dia juga telah menghisap ganja lebih daripada sepuluh tahun. Perlu diingatkan bahawa pernyataan itu hanya dibuat pada menjawab dua soalan yang berasingan.

[24] Selanjutnya, kami juga mendapati isu yang dibangkitkan ini juga tidak konsisten dengan keterangan bersumpah perayu di mahkamah sebagaimana yang telah dinyatakan terdahulu. Oleh itu, pada pendapat kami, kegagalan hakim perbicaraan menimbangkan bahagian pernyataan beramaran yang dimaksudkan itu tidak sedikitpun mencacatkan penilaian hakim perbicaraan terhadap pembelaan perayu.

[25] Namun demikian, jika pun pernyataan tersebut membawa maksud sebagaimana yang dihujahkan oleh peguam terpelajar perayu, soal selanjutnya ialah sama ada pernyataan itu semata-mata boleh diterima bagi membuktikan pembelaan bahawa dadah tersebut dibeli untuk kegunaan sendiri. Dalam hal ini kami peka dengan keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Cohen Lorraine Philis & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [1989] 3 MLJ 289 dan *Ng Chai Kem lwn Public Prosecutor* [1994] 2 MLJ 210 bahawa keterangan yang menunjukkan seorang itu penagih dadah boleh diterima sebagai pembelaan untuk mematahkan anggapan undang-undang bahawa dia adalah pengedar dadah. Namun demikian, fakta kes sekarang ini boleh dibezakan dengan kes-kes tersebut di atas kerana dalam kedua-dua kes itu keterangan tertuduh tentang penglibatannya dengan dadah telah diberikan secara bersumpah di mahkamah berbanding dengan kes sekarang ini di mana pihak pembelaan hanya bergantung kepada keterangan dalam pernyataan beramaran perayu yang dibuat di luar mahkamah.

[26] Kesan atau pertimbangan yang boleh diberikan bagi sesuatu pernyataan pembebasan dalam prosiding jenayah telah banyak diperkatakan dan dibincangkan dalam keputusan-keputusan kehakiman. Mengenai pemakaian sesuatu pernyataan pembebasan di akhir kes pendakwaan, Augustine Paul HMR (beliau pada masa itu), pada menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, telah berkata, di ms 308 (MLJ); ms 91 (CLJ):

> … It is settled law that an exculpatory statement cannot form the basis of an order in favour of an accused person at the close of the case for the prosecution as the accused, not having given evidence at that stage, cannot rely on the statement without having been tested by cross-examination …

[27] Dalam *kes Public Prosecutor v Adetunji Adeleye Sule* [1993] 2 MLJ 70, hakim perbicaraan telah membebaskan dan melepaskan tertuduh kerana kesalahan mengedar dadah berbahaya di akhir kes pendakwaan berdasarkan tingkah lakunya pada masa beliau ditangkap, dan juga pernyataan pembebasan yang didapati dalam pernyataan beramarannya. Mahkamah Agung, dalam membenarkan rayuan pihak pendakwa, telah menyarankan bahawa pernyataan beramaran tertuduh itu (yang jika benar boleh membebaskannya dari tuduhan itu) tidak seharusnya menjadi 'bukti sebaliknya' yang mencukupi untuk mematahkan anggapan statutori yang ditimbulkan terhadapnya. Dalam kes itu Edgar Joseph Jr SCJ telah menyentuh nilai keterangan sedemikian dengan berkata, di ms 75:

> … we would add that if, and when, the respondent gives evidence to the same effect as his cautioned statement, he is entitled to take advantage of it and to point out that it is consistent with his evidence. Furthermore, as rightly pointed out in *R v Donaldson*, a purely exculpatory statement made by the defendant out of court 'is evidence at the trial in that it is evidence that the defendant made the statement and of his reaction which is part of the general picture which the jury have to consider but it is not evidence of the facts stated'…

[28] Dalam kes Singapura *Public Prosecutor v Chan Kim Choi* [1989] 1 MLJ 404, tertuduh telah dituduh kerana kesalahan membunuh. Di antara keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa termasuklah pernyataan beramaran tertuduh. Di akhir kes pendakwaan, peguambela telah menghujahkan tiada kes untuk dijawab atas alasan pernyataan beramaran itu mencukupi untuk membuktikan kecualian am hak mempertahankan diri dan kecualian-kecualian lain di bawah s 300 Kanun Keseksaan. Dalam kes ini mahkamah telah menolak penghujahan peguambela bahawa sesuatu pernyataan beramaran, jika diterima sebagai sebahagian kes pendakwaan, merupakan suatu bukti substantif mengenai kebenaran fakta yang dinyatakan di dalamnya.

[29] Jika diperhatikan dalam kes-kes yang disebut terdahulu, mahkamah telah menimbangkan kebolehterimaan dan kesan sesuatu pernyataan pembebasan di akhir kes pendakwaan. Ringkasnya, di peringkat itu suatu pernyataan sedemikian tidak boleh dijadikan asas bagi suatu perintah yang memihak kepada tertuduh kerana pernyataan itu masih belum diuji melalui pemeriksaan balas. Di peringkat pembelaan pula, sebagaimana yang telah disarankan oleh Edgar Joseph Jr SCJ dalam kes *Public Prosecutor v Adetunji Adeleye Sule*, jika dan apabila seseorang tertuduh memberi keterangan yang sama kesan atau efeknya dengan pernyataan beramarannya, maka dia berhak memanfaatkannya dan menunjukkan bahawa pernyataan tersebut adalah konsisten dengan keterangannya. Bagaimanapun dalam rayuan sekarang ini, adalah jelas bahawa perayu, dalam keterangan bersumpahnya di mahkamah, telah memberi keterangan yang jauh menyimpang dari pernyataan beramarannya, termasuk pernyataan pembebasan yang dikatakan itu. Malahan, sebagaimana yang disebut terdahulu, perayu telah menafikan membawa beg kain yang mengandungi dadah yang dipersoalkan dalam raga motosikalnya. Atas pertimbangan tersebut di atas, kami mendapati hakim perbicaraan telah tidak tersilap atau tersalah arah apabila tidak menimbangkan keterangan yang dimaksudkan, jika pun ia terjumlah kepada suatu pernyataan pembebasan.

[30] Kami ingin menambah, dalam rayuan sekarang ini kami berpuas hati bahawa hakim perbicaraan telah dengan betul menilai keterangan saksi-saksi pendakwaan yang dengan jelas menimbulkan inferens bahawa perayu mempunyai milikan sebenar ke atas dadah yang dijumpai dalam raga motosikalnya. Fakta kes menunjukkan bahawa beg kain yang mengandungi dadah yang dipersoalkan itu berada dalam raga motosikal yang ditunggang oleh perayu dan boleh dilihat dari luar semasa dia ditahan. Dengan yang demikian jelas bahawa perayu mempunyai kawalan atau jagaan fizikal ke atas beg kain dan dadah yang terkandung di dalamnya sebagaimana telah diputuskan oleh hakim perbicaraan.

[31] Kami juga mendapati hakim perbicaraan peka dengan prinsip bahawa kawalan atau jagaan fizikal semata tanpa pengetahuan tidaklah mencukupi bagi pembuktian milikan sebenar. Walaupun hakim perbicaraan telah bergantung kepada percakapan beramaran perayu bagi membuktikan pengetahuan perayu tentang dadah dalam beg kain itu, tetapi pada pendapat kami pengetahuan masih boleh dibuktikan secara terus melalui keterangan saksi-saksi pendakwaan.

[32] Jika diperhatikan menurut keterangan SP5 apabila dia menahan perayu dan memperkenalkan dirinya polis 'lelaki itu berada dalam keadaan terkejut dan takut dan meminta tolong' kepadanya. Dalam kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, Mahkamah Persekutuan

telah memutuskan bahawa kelakuan seseorang tertuduh yang nampak terperanjat atau terkejut apabila dihampiri oleh polis jelas menunjukkan hubungannya dengan dadah yang ada dalam milikan atau kawalannya, dan dengan yang demikian dia perlu memberikan penjelasan tentang kelakuannya sedemikian. Dalam kes *Mohd Zaiham bin Mislan v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 707; [2010] 1 CLJ 74, mahkamah mendapati rayuan oleh tertuduh agar tiada apa-apa tindakan diambil terhadapnya setelah dia ditanya sama ada terdapat ganja dalam keretanya, dan kelakuannya dalam keadaan gelisah, takut dan gementar apabila diarah membuka *boot* keretanya adalah fakta berkaitan dan tertuduh dikehendaki menjelaskan kelakuannya sedemikian.

[33] Begitu juga dalam kes sekarang ini, kami mendapati kelakuan perayu yang kelihatan takut dan terkejut serta meminta tolong kepada SP5 semasa dia menghampiri perayu dan memperkenalkan dirinya mempunyai hubungan terus dengan fakta berkaitan kerana dadah yang dipersoalkan dijumpai dalam raga motosikalnya, dan oleh itu dia mestilah menjelaskan kelakuannya itu. Namun, perayu telah gagal memberikan apa-apa penjelasan yang boleh diterima tentang kelakuan atau reaksinya itu. Justeru, suatu inferens boleh dibuat bahawa perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang berada dalam beg kain P21 tersebut.

[34] Setelah mendapati perayu mempunyai 'mens rea possession' ke atas dadah yang dijumpai dalam raga motosikalnya dan dadah tersebut melebihi 200g, maka anggapan di bawah s 37(da) ADB berbangkit. Dengan yang demikian beban terletak pada perayu untuk mematahkan anggapan itu berdasarkan imbangan kebarangkalian. Hakim perbicaraan mendapati perayu telah gagal mematahkan anggapan sedemikian berdasarkan keterangannya di mahkamah. Pertama, hakim perbicaraan telah menolak keterangan perayu bahawa dia telah diserbu ketika hendak keluar dari restoran selepas membeli minuman kerana beliau mendapati tiada kemungkinan bagi perayu meletakkan motosikalnya tanpa pengawasan di belakang restoran jika benar dia ada membawa alat-alat ganti dan 'crankcase' enjin yang baru dibaiki. Keduanya, menurut hakim perbicaraan jika benar 'crankcase' enjin dan alat ganti itu ada dalam raga motosikal, kenapa kewujudan benda-benda itu tidak dibangkitkan dalam pemeriksaan balas saksi-saksi pendakwaan. Pada hemat kami, hakim perbicaraan telah membuat penilaian dan analisis yang betul dalam mempersoalkan kebenaran keterangan-keterangan yang telah diberikan oleh perayu itu.

[35] Atas alasan-alasan tersebut di atas, kami mendapati sabitan ke atas perayu adalah selamat. Dengan itu rayuan perayu adalah ditolak, dan sabitan dan hukuman terhadapnya adalah disahkan.

Rayuan perayu ditolak.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum